

29 DEC 2001

Aseh-Sun

KDN MASIH SIASAT THE SUN

KUALA LUMPUR, 29 Dis (Bernama) -- Kementerian Dalam Negeri (KDN) masih menjalankan siasatan terhadap akhbar The Sun berhubung laporan muka depannya mengenai konon ada rancangan membunuh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Ketua Setiausaha Kementerian Datuk Seri Aseh Che Mat berkata hanya selepas siasatan selesai, pihak kementerian dapat memastikan tindakan yang akan diambil terhadap suratkhbar itu.

"Saya nasihatkan kepada semua pemberita agar menulis berita dengan objektif, dengan fakta...kalau benda tak ada diada-adakan, susahlah sikit," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis sambutan Aidilfitri Rumah Pengasih di sini, hari ini.

Beliau berkata nasihatnya ini bukan hanya untuk media tempatan tetapi juga media asing yang membuat liputan di negara ini.

Menjawab soalan pemberita sama ada KDN menyuruh The Sun meminta maaf kepada Dr Mahathir dan Abdullah di atas laporan itu, beliau berkata: "Kita (KDN) tidak suruh dia (The Sun) buat. Dia dah buat."

Aseh juga menafikan bahawa KDN menghantar surat tunjuk sebab kepada The Sun berikutan kes itu sebaliknya menjelaskan KDN hanya menghantar surat meminta penjelasan kepada syarikat akhbar itu.

Pada 25 Dis lepas, The Sun menyiarkan laporan muka depan yang memetik sumber sebagai berkata seorang pembunuh diupah untuk membunuh dua pemimpin tertinggi negara ini.

Berikutan penafian polis dan kedua-dua pemimpin berkenaan mengenai adanya rancangan itu, Ketua Pengarang The Sun H'ng Hung Wong dan Pengarangnya Andy Ng menyerahkan surat perletakan jawatan mereka manakala Ketua Pengarang Berita Robert Ho digantung tugas.

Pemberita R Manirajan dan jurugambar Anita Md nasir yang menulis laporan itu juga digantung tugas.

Mengenai dadah, Aseh berkata mulai tahun depan KDN akan memperkemas peraturan dan undang-undang mengenainya memandangkan ia masih merupakan ancaman nombor satu negara.

Katanya pada masa ini, KDN telah merangka pindaan akta dadah meliputi Akta Rawatan Pemulihan Dadah 1983 dan Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk dibentangkan di Parlimen pada Mac ini.

"Tujuan kita buat pindaan itu adalah untuk memantapkan lagi peruntukan yang ada dalam undang-undang tersebut, malah kerajaan juga bersetuju untuk menahan lebih lama penagih tegar," katanya.

Aseh berkata daripada 160,000 kes jenayah di negara ini tahun lepas, sebanyak 120,000 daripadanya merupakan jenayah harta benda yang 50 peratus daripadanya melibatkan penagih dadah.

"Dengan menahan lebih lama penagih dadah tegar, kadar jenayah dapat dikurangkan dengan banyaknya... penagih dadah tegar yang melakukan jenayah pecah rumah, curi dan ragut semata-mata untuk mencari wang membeli dadah," katanya.

Beliau berkata KDN merancang menambah 50 lagi pusat serenti secara berperingkat-peringkat dan meluaskan lagi saiz penjara bagi menahan penagih-penagih dadah tegar dengan lebih lama.

Menurutnya KDN juga memutuskan untuk menempatkan penagih-penagih dadah tegar di penjara dan bukannya di pusat-pusat serenti.

"Kalau mereka diasing dan ditempatkan di tempat yang terkawal dan diberikan program-program pemulihan, ia bukan sahaja boleh mengurangkan

permintaan dadah tetapi juga dapat kurangkan kadar jenayah di negara ini," katanya.

Aseh berkata Kabinet juga setuju dengan cadangan untuk menempatkan penagih dadah di pulau tetapi setakat ini, KDN masih belum menemui pulau yang sesuai kerana kebanyakan pulau negara ini dijadikan pusat pelancongan.

Katanya penagihan dadah di negara ini masih lagi di tahap yang serius dengan kira-kira 30,000 penagih dikesan di seluruh negara setiap tahun yang 45 peratus daripadanya merupakan penagih baru.

-- BERNAMA

NSM HK NAK